

Empat negeri berisiko banjir

➔ Fenomena air pasang besar luar biasa dijangka berlaku pada minggu ketiga bulan depan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Empat negeri di Pantai Barat Semenanjung iaitu Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah berisiko mengalami banjir besar berikutan fenomena air pasang besar luar biasa yang dijangka berlaku pada minggu ketiga bulan depan.

Di **Selangor**, paras air akibat fenomena itu dijangka meningkat sehingga 5.7 meter, manakala paras air pasang besar di Perak, Pulau Pinang dan Kedah pada bulan depan dijangka melebihi 3.5 meter.

Sabtu lalu, pasang air laut di perairan Selangor yang mencecah 5.6 meter menyebabkan banjir di beberapa kawasan dan kerosakan harta benda selepas air laut yang meningkat memecahkan ban dibina pada keting-

gian 5.5 meter.

Dalam pada itu, Jabatan Meteorologi Malaysia juga meramalkan hujan lebat bermula hujung bulan ini dan Oktober, disusuli hujan berterusan sehingga Disember akan memburukkan keadaan di keempat-empat negeri berkenaan, khususnya Selangor.

Peningkatan paras air laut

Pakar Klimatologi dan Oseanografi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Fredolin Tangang, berkata biarpun musim hujan dan fenomena air pasang besar adalah dua situasi berbeza, namun jika berlaku pada waktu sama, ia akan menyumbang kepada peningkatan mendadak paras air laut.

Beliau berkata, fenomena air pasang besar yang disebabkan fasa bulan purnama akan berlaku apabila matahari, bulan dan bumi berada di kedudukan selari dengan jangkaan keadaan luar biasa itu berlaku pada

minggu ketiga Oktober.

“Pada kedudukan selari ini, jika bulan berada di titik perigee (iaitu berada pada titik paling dekat dengan bumi) yang berpusing dalam orbit bujurnya, maka fenomena ini akan berlaku kerana ketika ini tahap graviti akan meningkat secara mendadak.

“Biasanya ia (bulan di titik perigee) berlaku tiga atau empat kali setahun iaitu pada April hingga Mei atau September hingga Oktober setiap tahun iaitu ketika musim hujan, tetapi kali ini fenomena itu dijangka berlaku pada minggu ketiga bulan depan,” katanya.

“Cuma dari segi impaknya akan menjadi lebih besar jika berlaku pada musim hujan yang menyaksikan peningkatan air mendadak sehingga melimpah ke daratan dan mengundang banjir,” katanya.